

14/10/2003

Abdul Hamid sedia jadi calon

PENASIHAT Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, sedia dicalonkan bagi jawatan Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Beliau yang mendakwa tidak tahu namanya turut disenarai pendek, berkata OIC bukan sesuatu yang baru baginya kerana sudah mengikutinya sejak pertubuhan itu mengadakan persidangan kali kedua selepas ia ditubuhkan pada 1969.

Pada persidangan OIC ketiga di Arab Saudi, beliau mengikuti delegasi Malaysia yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika itu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri).

"Saya bersedia jika itu keputusan negara walaupun perlu menjaga politik dalam negeri," katanya ketika ditemui ketika waktu rehat mesyuarat menteri luar OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), semalam.

Selain Abdul Hamid, calon lain termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Hasmy Agam.